

LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2022

PENGERUSI KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Para Anggota Sekalian,

Bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya saya membentangkan draf laporan akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

1.0 AKTIVITI KOPERASI

Aktiviti Utama Koperasi adalah:

1.1 Simpanan dan Kredit

Menggalakkan penyimpanan wang pada setiap bulan serta menyediakan kemudahan pengeluaran dan pembiayaan.

1.2 Perkhidmatan Perdagangan

Menyediakan perkhidmatan perdagangan untuk membolehkan anggota koperasi, orang awam, organisasi dan syarikat membeli barangan elektrik, elektronik dan pelbagai barangan lain dengan harga yang kompetitif dan berkualiti.

1.3 Skim Takaful

Menyediakan kemudahan Takaful Nyawa dan Takaful Am dengan pelbagai faedah sampingan.

1.4 Pelancongan dan Pengembaraan

Menyediakan aktiviti perniagaan tiket pengangkutan dan perkhidmatan pelancongan serta aktiviti berkaitan dengannya yang dijalankan oleh anak syarikat.

1.5 Perhotelan

Menjalankan aktiviti perhotelan dan hospitaliti.

1.6 Pelaburan

Pelaburan hartanah di lokasi strategik untuk menjamin pulangan yang kompetitif.

1.7 E-Commerce

Menjalankan aktiviti perniagaan jualan barangan secara atas talian dan terbuka kepada produk anggota.

1.8 Ar Rahn

Menjalankan aktiviti pajak gadai Islam.

1.9 Ejen Pembayaran

Menjadi ejen untuk membayar premium Takaful bagi pihak anggota.

1.10 Pendidikan Anggota dan Bantuan Pelajaran

Melalui Yayasan Amal Tenaga, Koperasi TNB menganjurkan Seminar Anggota dan mentadbir bantuan kebajikan serta pelajaran untuk anak-anak anggota, pekerja TNB dan orang awam yang berkecukupan.

2.0 ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA EKSEKUTIF

2.1 Anggota Lembaga

Bagi tahun 2022, Anggota Lembaga adalah seperti berikut:-

| | |
|---|----------------------------------|
| Tuan Haji Mohammad Amran bin Abdul Rahman <i>Encik Rahamat bin Abdullah (Bersara Sept 2022)</i> | - Pengerusi |
| Y.Bhg. Dato' Haji Nor Azman bin Mufti @ Jaafar Encik Mohd Roszeli bin Majid | - Naib Pengerusi - Setiausaha |
| Encik Radzmin Shah bin Md Shahbudin (Mulai Sept 2022) <i>Encik Zaraan bin Mokhtar (Bersara Feb 2022)</i> | - Bendahari |
| Encik Azizan bin Hussin | |
| Encik Norazli bin Abu Bakar @ Shamsudin | |
| Encik Hasbullah bin Mamat | |
| Datin Nurulhayati binti Anual | |
| Encik Abdul Ghafar bin Othman | |
| Encik Rahmat bin Harun | |
| Encik Amran bin Jantan | |
| Tuan Ir. Ts. Nik Hishamuddin bin Mohamed (Mulai Sept 2022) | |

2.2 Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif Anggota Lembaga adalah seperti berikut:-

| | |
|---|----------------------------------|
| Tuan Haji Mohammad Amran bin Abdul Rahman <i>Encik Rahamat bin Abdullah (Bersara Sept 2022)</i> | - Pengerusi |
| Y.Bhg. Dato' Haji Nor Azman bin Mufti @ Jaafar Encik Mohd Roszeli bin Majid | - Naib Pengerusi - Setiausaha |
| Encik Radzmin Shah bin Md Shahbudin (Mulai Sept 2022) <i>Encik Zaraan bin Mokhtar (Bersara Feb 2022)</i> | - Bendahari |
| Encik Azizan bin Hussin | |
| Encik Norazli bin Abu Bakar @ Shamsudin (Mulai Sept 2022) | |

2.3 Jawatankuasa Kecil

Jawatankuasa kecil Anggota Lembaga adalah seperti berikut:-

Jawatankuasa Hal Ehwal Anggota

| | |
|---|-------------|
| Encik Azizan bin Hussin Encik Hasbullah bin Mamat Encik Abdul Ghafar bin Othman Encik Amran bin Jantan | - Pengerusi |
|---|-------------|

Jawatankuasa Kommerce

| | |
|---|-------------|
| Encik Mohd Roszeli bin Majid Encik Norazli bin Abu Bakar @ Shamsudin Encik Rahmat bin Harun Tuan Ir. Ts. Nik Hishamuddin bin Mohamed | - Pengerusi |
|---|-------------|

Jawatankuasa Projek Khas

| | |
|---|-------------|
| Encik Radzmin Shah bin Md Shahbudin Encik Mohd Roszeli bin Majid Encik Azizan bin Hussin Datin Nurulhayati binti Anual | - Pengerusi |
|---|-------------|

Jawatankuasa Sumber Manusia dan Pentadbiran

Tuan Haji Mohammad Amran bin Abdul Rahman - Pengerusi
Encik Norazli bin Abu Bakar @ Shamsudin
Encik Hasbullah bin Mamat
Datin Nurulhayati binti Anual

Jawatankuasa Tatatertib

Encik Norazli bin Abu Bakar @ Shamsudin - Pengerusi
Encik Abdul Ghafar bin Othman
Encik Rahmat bin Harun
Encik Amran bin Jantan

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Tuan Ir. Ts. Nik Hishamuddin bin Mohamed - Pengerusi

Jawatankuasa Syariah

Ustaz Haji Fajuri bin Mamat - Pengerusi
Ustaz Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
Ustaz Haji Adnan bin Non

Lembaga Pengarah KTNB Travel & Tours Sdn. Bhd.

Tuan Haji Mohammad Amran bin Abd Rahman (Mulai Sept 2022) - Pengerusi
Encik Rahamat bin Abdullah (Bersara Sept 2022)
Y.Bhg. Dato' Haji Nor Azman bin Mufti @ Jaafar
Encik Mohd Roszeli bin Majid
Encik Zaraan bin Mokhtar (Bersara Feb 2022)
Encik Radzmin Shah bin Md Shahbudin (Mulai Sept 2022)

Lembaga Pengarah KopTown Solutions Sdn. Bhd.

Tuan Haji Mohammad Amran bin Abd Rahman (Mulai Sept 2022) - Pengerusi
Encik Rahamat bin Abdullah (Bersara Sept 2022)
Encik Mohd Roszeli bin Majid
Encik Radzmin Shah bin Md Shahbudin (Mulai Sept 2022)
Encik Zaraan bin Mokhtar (Bersara Feb 2022)
Encik Teh Poo Boon
Datin Norlailatu Nadua binti Abdullah Shaimi

Jawatankuasa Audit Dalaman

Encik Mohd Zairam Neezar bin Zakaria
Encik S. Darma Raj a/l Suthantharam
Encik Nor Hisham bin Tajuddin
Puan Nor Hariati binti Che Ros

2.4 Giliran Pengosongan Jawatan

Mengikut Undang-undang Kecil Koperasi 37(1), Tuan Haji Mohammad Amran bin Abdul Rahman, Y.Bhg. Dato' Haji Nor Azman bin Mufti @ Jaafar dan Encik Rahmat bin Harun hendaklah mengosongkan jawatan semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 72. Mereka boleh dipilih semula. Encik Mohd Roszeli bin Majid bersara pada 25 Jun 2023.

2.5 Penyertaan Anggota Lembaga Di Koperasi Lain

Encik Mohd Roszeli bin Majid merupakan Anggota Lembaga Koperasi Pasaraya (M) Berhad (KOPASAR), Jawatankuasa Perhubungan Negeri Wilayah Persekutuan ANGKASA dan Anggota Lembaga Federasi Koperasi Perkhidmatan Kewangan Berhad. Selain itu, Tuan Haji Mohammad Amran bin Abdul Rahman merupakan Anggota Lembaga Federasi Koperasi Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan Malaysia Berhad.

3.0 PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN

3.1 Keseluruhan Operasi Bisnes

Keseluruhan aktiviti operasi bisnes bagi tahun kewangan 2022 melibatkan aliran kewangan sebanyak RM157,552,965 (2021: RM116,113,311) yang merangkumi aktiviti Pembiayaan sebanyak RM90,628,600 (2021: RM67,750,600), jualan Kedai Koperasi TNB sebanyak RM39,210,397 (2021: RM33,241,730), jualan KTNB Travel & Tours Sdn. Bhd. sebanyak RM11,433,097 (2021: RM3,199,356), premium takaful sebanyak RM8,003,035 (2021: RM6,619,416) dan KopTown Ar Rahnun sebanyak RM7,964,099 (2021 : RM4,490,968).

3.2 Pendapatan Kasar

Pendapatan kasar Koperasi meningkat sebanyak 16% iaitu sebanyak RM3,378,178 bagi tahun kewangan 2022 kepada RM27,082,386 berbanding RM23,304,208 pada tahun 2021.

3.3 Keuntungan Bersih

Keuntungan bersih keseluruhan Koperasi selepas cukai meningkat sebanyak 33% iaitu RM4,219,363 bagi tahun 2022 kepada RM16,847,769 berbanding RM12,628,406 pada tahun 2021.

3.4 Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan keseluruhan berkurangan sebanyak 4% iaitu pengurangan sebanyak RM441,184 bagi tahun 2022 kepada RM10,234,618 berbanding RM10,675,802 pada tahun 2021.

4.0 DIVIDEN

Berdasarkan prestasi keuntungan yang diperolehi, Lembaga mencadangkan kadar pembayaran dividen sebanyak 14% yang meliputi dividen atas Modal Syer sebanyak 9% dan dividen atas Modal Yuran sebanyak 5% bagi tahun kewangan 2022. Jumlah pembayaran dividen pada tahun 2022 adalah sebanyak RM11,688,569 merupakan jumlah pembayaran dividen yang kompetitif di pasaran.

Koperasi TNB merakam penghargaan kepada semua anggota dan mengharapkan sokongan padu yang berterusan agar prestasi Koperasi TNB akan meningkat maju di masa hadapan. Dalam masa yang sama, Koperasi TNB akan terus berusaha supaya daya saing dan kualiti perkhidmatan kita siap siaga menghadapi saingan ekonomi dari dalam dan luar negara.

5.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSIH

5.1 Tabung Kebajikan

Koperasi TNB sentiasa peka terhadap kebajikan, pendidikan dan keperluan anggota bahkan berterusan mengambil inisiatif proaktif bagi memenuhi tanggungjawab sosial. Koperasi TNB telah memperuntukkan dana bagi Kumpulan Wang seperti berikut:-

| | | | |
|----|---|----|---------|
| a) | Kumpulan Wang Khairat Kematian | RM | 50,000 |
| b) | Kumpulan Wang Anugerah Anggota Setia | RM | 100,000 |
| c) | Kumpulan Wang Pelajaran Tan Sri Abu Zarim | RM | 150,000 |
| d) | Kumpulan Wang Penebusan Syer | RM | 819,849 |
| e) | Kumpulan Wang Potongan Langgan | RM | 806,787 |

5.2 Zakat dan Sumbangan

Pembayaran zakat perniagaan yang berjumlah RM311,410.24 dikira berdasarkan jumlah Modal Syer dan Modal Yuran anggota Muslim di Koperasi berdasarkan keuntungan bersih Koperasi TNB pada tahun 2021 telah dilunaskan.

Bagi tahun 2022, Koperasi TNB telah diberi kelulusan oleh Pusat Zakat Wilayah Persekutuan bagi mengagihkan sendiri 3/8 bahagian dari zakat perniagaan Koperasi TNB 2021 yang berjumlah RM116,778 kepada golongan asnaf Fakir, Miskin dan Fisabilillah. Baki zakat perniagaan berjumlah RM194,632.24 adalah diuruskan oleh PPZWP. Agihan zakat telah dibuat berdasarkan garis panduan Pusat Pungutan Zakat dan insyaa'Allah dapat membantu asnaf yang menerimanya.

6.0 MODAL SYER DAN MODAL YURAN

6.1 Modal Syer

Jumlah Modal Syer setakat 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM35,216,681 (2021: RM29,789,003) iaitu peningkatan sebanyak RM5,427,678 bersamaan 18%. Sejumlah RM905,040 (2021: RM822,010) telah ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer bagi pembayaran balik Modal Syer anggota yang tamat keanggotaannya dengan Koperasi.

6.2 Modal Yuran

Jumlah Modal Yuran setakat 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM178,048,315 (2021: RM174,055,458). Peningkatan Modal Yuran ini memberikan penambahan modal sebanyak RM3,992,857 bersamaan 2%. Pembayaran balik modal yuran kerana pemberhentian keanggotaan dan pengeluaran adalah sebanyak RM32,922,022 (2021: RM24,522,894).

Untuk rekod, yuran bulanan anggota hendaklah sekurang-kurangnya 3% dari gaji pokok tertakluk kepada had maksimum RM1,000 sebulan.

7.0 KEANGGOTAAN

Keanggotaan Koperasi setakat 31 Disember 2022 adalah seramai 19,169 orang anggota. Promosi keanggotaan yang dijalankan telah berjaya menarik seramai 770 anggota baru sepanjang tahun 2022.

Pada tahun 2022, promosi keanggotaan diteruskan dengan Promosi Hanya 1. Promosi ini adalah kesinambungan dari Promosi Hanya 1 yang dijalankan pada tahun 2021 yang menawarkan hadiah 1 gram *gold wafer* kepada pencadang dan anggota baru yang bertuah yang dipilih melalui cabutan. Tarikh promosi ini adalah dari 1 Januari – 28 Februari 2022.

Seramai 10 pencadang dan 10 anggota baru telah menerima 1 gram *gold wafer* seperti di bawah:

| BIL | NO PEK. | NAMA PENCADANG | NO PEK. | NAMA ANGGOTA BARU |
|-----|---------|---------------------------|----------|--------------------------------|
| 1. | MT1374 | Azharul Abidin Bin Anuar | MT3609 | Mohd Shahrizal Bin Mohd Nawawi |
| 2. | 82142 | Kamarul Nizam Bin Muridon | 91500503 | Zulfahmi Bin Zanuri |
| 3. | MT1374 | Azharul Abidin Bin Anuar | MT3171 | Mohd Nasir Bin Hazman |
| 4. | 76518 | Mohd Jr Putra Bin Jasni | 97375 | Raszwan Bin Rahmat |
| 5. | 74087 | Mohd. Pauzi Bin Jusoh | 97401 | Mohd Fahrurreza Bin Bakrol |

| | | | | |
|-----|--------|----------------------------|----------|---|
| 6. | 93785 | Mohammad Syazani Bin Azman | 10102596 | Priyadashini A/P Saravanan |
| 7. | 76896 | Mohd Asri Bin Harun | 10100107 | Ahmad Harris Fadhil Bin Abdul Rahman |
| 8. | 30556 | D.Thangaraj | 28535 | Ganesh Kumar A/L Sadiappan |
| 9. | MT3524 | Fazhil Rudy Bin Abd Shukor | MT3588 | Mohammad Sharul Leesham Bin Ablee @ Asli |
| 10. | TSG161 | Mohd Ashraf Bin Roslan | TSG215 | Muhammad Danial Khairi Bin Khairul Annuar |

Bermula 1 Mac sehingga 31 Disember 2022, Unit Keanggotaan meneruskan lagi promosi iaitu Promosi *Member Get Member* yang menawarkan BSE50 kepada pencadang yang telah memperkenalkan anggota baru.

Seramai 580 pencadang yang telah menerima BSE50 dan 622 anggota baru berdaftar dengan Koperasi TNB.

Dalam usaha Koperasi TNB untuk meningkatkan perkhidmatan selari dengan perkembangan teknologi digital, Koperasi telah menaik taraf laman webportal keanggotaan bagi membolehkan anggota mencapai maklumat keanggotaan dan menyemak kelayakan pembiayaan secara atas talian dalam waktu nyata.

Pada tahun 2022, seramai 538 anggota telah terhenti keanggotaan Koperasi TNB kerana meninggal dunia, perletakan jawatan, persaraan dan penamatan pekerjaan.

8.0 KUMPULAN WANG RIZAB

8.1 Kumpulan Wang Dan Wang Cadangan

Kumpulan Wang dan Wang Cadangan Koperasi TNB berjumlah sebanyak RM12,286,331 pada tahun 2022 (2021: RM11,486,874) iaitu peningkatan sebanyak RM799,457 bersamaan 7%.

8.2 Kumpulan Wang Rizab Statutori

Jumlah Kumpulan Wang Rizab Statutori adalah sebanyak RM27,870,120 (2021: RM26,622,186) peningkatan sebanyak RM1,247,934 bersamaan dengan 5%.

9.0 AKTIVITI KOPERASI

9.1 Pematuhan Syariah

Koperasi TNB kini giat melaksanakan Audit Syariah Komprehensif bagi Produk Pembiayaan dalam usaha memacu Koperasi TNB menjadi sebuah koperasi Syariah berprestij, ulung, dan terkemuka. Produk Pembiayaan ini merangkumi Pembiayaan Tawarruq, Pembiayaan Qard dan Pembiayaan Gadai Janji.

Jawatankuasa Syariah dibantu oleh syarikat Tawafuq Consultancy Sdn Bhd yang merupakan sebuah firma penasihat Syariah global yang komited dalam menawarkan penyelesaian Kewangan Islam dan sektor halal dengan memanfaatkan keberadaannya di peringkat global, pengetahuan yang mendalam, serta struktur yang berintergasi.

9.2 Pembiayaan / Pinjaman Kepada Anggota

a) **Pembiayaan Syariah**

Jumlah pembiayaan Tawarruq yang telah dibayar pada tahun 2022 adalah sebanyak RM102,324,849. Baki pembiayaan setakat 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM226,043,460 (2021: RM167,029,679) iaitu peningkatan sebanyak 35%.

Jumlah Pembiayaan Qard yang dibayar pada tahun 2022 adalah sebanyak RM5,275,250. Baki pembiayaan setakat 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM1,280,786.

b) **Pembiayaan Bai' Al-'Inah Gadai Janji**

Pembiayaan Bai' Al-'Inah Gadai Janji mula ditawarkan pada tahun 2014. Jumlah pembiayaan yang telah diluluskan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM600,000. Baki Pembiayaan sehingga 31 Disember 2022 adalah RM11,064,526 (2021: RM12,201,707) iaitu pengurangan sebanyak 9%.

c) **Pinjaman Gadai Janji**

Baki Pinjaman Gadai Janji sehingga 31 Disember 2022 adalah RM521,397.

9.3 Simpanan Boleh Keluar

Jumlah Simpanan Boleh Keluar setakat 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM955,733. Anggota memanfaatkan kemudahan ini seumpama akaun simpanan dan pengeluarannya digunakan bagi keperluan peribadi, kecemasan dan ibadah Qurban.

9.4 Aktiviti Perdagangan dan Perkhidmatan

a) **Kedai Koperasi TNB**

Kedai Koperasi TNB terus menawarkan pelbagai jenama perkakasan elektrik, komputer, telefon bimbit, kamera, motorsikal, barangan kemas dan produk pengguna lain yang mendapat permintaan anggota dengan harga yang kompetitif dan kualiti yang tinggi. Anggota boleh membuat pembelian secara atas talian barangan tersebut dengan pilihan pembelian mudah secara ansuran melalui potongan gaji.

Keuntungan bersih perniagaan kedai untuk tahun 2022 adalah sebanyak RM7,267,011 (2021: RM5,775,596) iaitu peningkatan sebanyak RM1,491,415 bersamaan 26%.

b) **KopTown@ILSAS dan KopTown@HQ**

Operasi di kedua-dua kiosk ini dihentikan buat sementara waktu kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

c) **KopTown Hotel**

Hotel milik penuh Koperasi TNB bertaraf 2 bintang yang terletak di Jalan Pantai Bangsar, Kuala Lumpur dilengkapi dengan 60 bilik dan boleh menampung penginapan untuk 120 orang pada satu-satu masa telah mula beroperasi pada April 2015.

Manakala, hotel milik penuh Koperasi TNB bertaraf 2 bintang yang terletak di Segamat, Johor pula dilengkapi dengan 80 bilik dan boleh menampung penginapan untuk 170 orang pada satu-satu masa telah mula beroperasi pada Disember 2012.

Sebagai langkah proaktif bagi memastikan perniagaan ini terus menjana keuntungan kepada Koperasi, Koperasi telah menyewakan kedua-dua hotel ini kepada Hotel Zamburger Sdn. Bhd.

Koperasi telah menyewakan hotel bertaraf empat bintang di Jalan Raja Laut, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur dan beroperasi di atas nama KopTown EDC Hotel Kuala Lumpur yang mempunyai 242 bilik, 1 dewan utama yang boleh menampung 500 orang dan 6 bilik seminar.

d) KopTown Ar Rahnu

Berdasarkan permintaan tinggi di pasaran, Koperasi telah membuka cawangan KopTown Ar Rahnu yang pertama pada 19 Januari 2021 bertempat di pejabat Koperasi TNB Bangsar. Perkhidmatan yang disediakan ialah gadaian emas, cucian emas, sewaan peti simpanan emas dan jualan gold bar (1 gram, 5 gram, 10 gram dan 20 gram). Jumlah pembiayaan gadaian yang telah diluluskan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM14,796,880 berbanding tahun 2021 sebanyak RM3,534,354 kenaikan 319%.

Buku Simpanan Emas (BSE) telah mula diperkenalkan kepada anggota pada 26 April 2021. Anggota boleh melanggan BSE secara bayaran tunai atau potongan gaji serendah RM50. Aplikasi Android BSE telah disediakan untuk memudahkan anggota memeriksa sendiri status akaun BSE manakala bagi pengguna selain android boleh menyemak baki dan pegangan emas mereka melalui laman sesawang <http://app.koptownarahnu.com/>.

e) Customer Centric

Unit ini bertanggungjawab menjalankan promosi jualan dan hebahan maklumat secara online kepada semua anggota Koperasi TNB melalui platform WhatsApp dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

f) Kommerce

Unit Kommerce pula bertanggungjawab menjalankan dan mempromosi jualan barangan pengguna kepada anggota melalui platform e-Commerce Koperasi TNB yang dikenali sebagai Bazaria 2.0. Unit ini juga bertanggungjawab menjaga sosial media Koperasi TNB seperti Facebook dan Instagram. Hebahan maklumat dan juga penjualan kepada anggota dibuat melalui Customer Centric Unit (CCU).

Pada bulan November 2022, Bazaria mula beroperasi menggunakan laman sesawang yang baru. Dengan adanya laman sesawang ini, anggota lebih mudah melayari, membuat pembelian dan memohon pembiayaan barangan konsumer dari laman sesawang yang sama, kemudahan anggota kini boleh dicapai di hujung jari.

g) Pelaburan

Koperasi terus menggandakan pemilikan aset dalam hartanah komersial dengan pembelian 1 unit Boutique Shops dan Signature Offices 8 Tingkat Akasa Cheras South @ Balakong, Akasa Business Park di Jalan Akasa, Akasa Cheras Selatan, 43300 Seri Kembangan, Selangor.

Selain itu, Koperasi juga menceburi bidang perladangan dan mengambil inisiatif membeli Ladang Durian di Lot 4615 dan Lot 4614, Sg. Dua, Batu 9, Jalan Karak, Mukim Sabal, Bentong, Pahang. Majlis perasmian telah diadakan pada 28 Disember 2022 dan disempurnakan oleh Y.BRS. Tuan Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

10.0 Anak Syarikat Koperasi TNB

10.1 KTNB Travel & Tours Sdn. Bhd.

Unit perniagaan ini telah beroperasi seperti sedia kala dan menerima pelbagai tempahan khususnya daripada TNB dan juga Jabatan Kerajaan / GLC. Di samping itu, unit ini juga menjalankan aktiviti promosi secara atas talian melalui Unit Customer Centric dan Kommerce.

10.2 KopTown Solutions Sdn. Bhd.

Komposisi saham KopTown Solutions Sdn. Bhd. adalah 51% dipegang oleh Koperasi TNB manakala 49% dipegang oleh Plusbury Infracore Sdn Bhd. Antara cadangan cabang perniagaan baru anak syarikat ini adalah menceburi Projek Tanah Rentis TNB dan menyediakan kemudahan kredit (Murabahah Order Fulfillment) kepada vendor TNB.

10.3 KopTown Digital Sdn. Bhd.

Penubuhan Anak Syarikat Koperasi TNB iaitu KopTown Digital Sdn. Bhd. yang akan membangunkan platform keanggotaan dan kewangan. Koperasi TNB adalah pemilik IP perisian ini dan sistem ini dinamakan sebagai KopTown Integrated Co-op System (KICS).

Tujuan utama inisiatif ini diambil untuk menawarkan Sistem KICS kepada koperasi lain kerana terdapat persamaan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan seperti Pembiayaan, Travel & Tours, Takaful, Perhotelan, Ar-Rahnu, dan platform online.

Sistem ini akan mengintegrasikan perisian keanggotaan, kewangan, produk dan perkhidmatan di dalam satu sistem.

11.0 KOMUNIKASI DAN KEBAJIKAN ANGGOTA

11.1 Skim Takaful

Koperasi berterusan menyediakan pelbagai skim takaful dari syarikat-syarikat takaful untuk kemudahan anggota-anggotanya. Pelbagai faedah boleh dimanfaatkan oleh anggota-anggota beserta keluarga melalui:

a) Skim Takaful Berkelompok Mutiara Plus

Setakat 31 Disember 2022, seramai 10,800 anggota menyertai skim ini. Jumlah pampasan yang telah dibayar oleh pihak Etiqa Takaful sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak RM552,409.

b) Skim Insurans Berkelompok ING

Setakat 31 Disember 2022, seramai 1,660 anggota menyertai skim ini. Tiada pampasan yang telah dibayar oleh pihak ING sepanjang tahun 2022.

c) Skim Insurans Kemalangan Diri AIG

Setakat 31 Disember 2022, seramai 1,382 anggota menyertai skim ini. Jumlah pampasan yang telah dibayar oleh pihak AIG sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak RM18,790.

d) Takaful Kenderaan – Pelancaran Platform mySenang.my

mySenang.my adalah platform memperbaharui takaful kenderaan dan cukai jalan secara digital milik Koperasi TNB. Pelanggan boleh memilih pelan perlindungan takaful sendiri termasuk menambah atau mengurangkan jumlah perlindungan kenderaan, menambah faedah tambahan seperti perlindungan banjir, penggantian kunci, perkhidmatan tunda kereta dan lain-lain. Kesemua proses ini dapat dibuat kurang dari 3 minit tanpa melalui ejen atau orang tengah.

Sistem Real Time melalui Application Programming Interface (API) membolehkan pelanggan mendapatkan sebutharga dan polisi daripada penyedia Takaful dan pelanggan boleh membuat pembayaran secara tunai dengan kemudahan FPX Banking Online.

Bagi pelanggan yang membayar secara tunai akan menikmati diskaun sebanyak 5% manakala bagi anggota pula mempunyai pilihan melakukan pembayaran secara potongan bulanan Renew Now Pay Later selama 10 bulan.

Tahun 2022 telah menunjukkan Prestasi yang amat membanggakan dengan peningkatan premium kepada 30%.

Selain dari itu, mySenang.my telah menyebarkan sayapnya dengan menjalinkan usahasama dengan Koperasi Kakitangan Petronas Bhd (Kopetro) dengan menyediakan platform white label pembaharuan cukai jalan dan takaful kenderaan mereka yang diberi nama ProLindung.com.my.

12.0 YAYASAN AMAL TENAGA

12.1 Bantuan Pelajaran

Koperasi melalui Yayasan Amal Tenaga sentiasa berusaha untuk meringankan tanggungan anggota-anggota dan orang awam dengan memberikan sumbangan wang tunai bagi belanja persekolahan anak-anak anggota dan orang awam.

Koperasi telah mengeluarkan bantuan pelajaran berjumlah RM275,000 kepada anggota dan orang awam. Pemilihan yang layak adalah berdasarkan kepada kriteria dan pembahagian yang telah diluluskan seperti berikut:

- RM250 setiap satu untuk ahli keluarga anggota dan orang awam di Sekolah Rendah.
- RM500 setiap satu untuk ahli keluarga anggota dan orang awam di Sekolah Menengah.
- RM750 setiap satu untuk ahli keluarga anggota dan orang awam di Universiti / Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf.

Selain itu, Yayasan Amal Tenaga juga telah menyerahkan sumbangan Pembangunan Pendidikan berjumlah RM265,000.

12.2 Anugerah Kecemerlangan Pendidikan

Koperasi telah meluluskan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan sebanyak RM500 kepada pelajar cemerlang SPM yang memperolehi sekurang-kurangnya 8A. Jumlah sumbangan yang dikeluarkan kepada 50 pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan SPM 2021 adalah sebanyak RM25,000.

12.3 Bantuan dan Sumbangan

Koperasi melalui Yayasan Amal Tenaga telah memberikan bantuan dalam bentuk kewangan dan barangan seperti berikut:

- a) Bantuan pesakit kritikal berjumlah RM25,000
- b) Bantuan Yayasan Care (OKU/Ibu Tunggal) RM200,000
- c) Sumbangan am RM75,000
- d) Sumbangan perkembangan sukan RM50,000

13.0 ANUGERAH KOPERASI TERBAIK DI MALAYSIA 2022

Alhamdulillah dan sekalung tahniah diucapkan kepada semua anggota di atas kejayaan Koperasi TNB menduduki tangga ke 9 di dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada semua anggota, Tenaga Nasional Berhad dan anak syarikat TNB, badan-badan korporat dan orang perseorangan yang telah memilih dan berurusan dengan Koperasi TNB. Kepercayaan ini telah menempatkan Koperasi TNB untuk terus berada di persada 10 Koperasi Terbaik di Malaysia.

14.0 ANUGERAH KESATUAN KOPERASI KREDIT MALAYSIA BERHAD (ACCUM) - DISTINGUISHED COOPERATIVE LEADERSHIP AWARD

Syabas dan sekalung tahniah diucapkan kepada Encik Mohd Roszeli bin Majid, Setiausaha Koperasi TNB kerana menerima Anugerah Kesatuan Koperasi Kredit Malaysia Berhad (ACCUM) bagi kategori Distinguished Cooperative Leadership Award. Anugerah ini disampaikan oleh Y.Bhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Haji Abdullah, Presiden ANGKASA semasa Seminar Koperasi Malaysia (MCS 2022) di Pulau Langkawi.

15.0 ANUGERAH KESATUAN KOPERASI KREDIT MALAYSIA BERHAD (ACCUM) - DISTINGUISHED COOPERATIVE MANAGEMENT EXCELLENCE PREMIER

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Tuan Haji Mohd Marzuki bin Yaso'a', Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Koperasi TNB kerana menerima pengiktirafan Anugerah Kesatuan Koperasi Kredit Malaysia Berhad (ACCUM) bagi kategori Distinguished Cooperative Management Excellence Premier. Anugerah ini disampaikan oleh Y.Bhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Haji Abdullah, Presiden ANGKASA semasa Seminar Koperasi Malaysia (MCS 2022) di Pulau Langkawi.

16.0 PERANCANGAN MASA DEPAN

Alhamdulillah, fasa pandemik 2021 telah berlalu dan perniagaan Koperasi mulai menunjukkan fasa pemulihan dengan penambahbaikan aktiviti-aktiviti sedia ada dan perniagaan baru bagi menjana keuntungan yang lebih baik bagi tahun 2022.

15.0 PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

15.1 Pekerja

Setakat 31 Disember 2022, bilangan pekerja Koperasi ialah seramai 75 orang yang terdiri daripada 5 Pengurus, 19 Eksekutif dan 51 bukan Eksekutif. Koperasi TNB telah mengambil inisiatif dengan mengadakan pelbagai aktiviti kesihatan untuk melahirkan pekerja yang sihat dari segi fizikal dan mental. Selain itu, Koperasi juga menyusun semula Struktur Organisasi sedia ada selaras dengan keperluan dan perkembangan perniagaan Koperasi.

15.2 Juruaudit Luar

Tetuan Jamal, Amin & Partners telah dilantik sebagai Juruaudit Luar Koperasi dan anak syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

16.0 PENGHARGAAN

Anggota Lembaga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada:-

- 1) Y.B. Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi (Malaysia) dan para pegawai beliau atas khidmat yang diberikan.
- 2) Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan dan para pegawai beliau atas bimbingan yang berterusan.
- 3) Pengerusi, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Tenaga Nasional Berhad serta Anak-anak Syarikatnya atas sokongan dan bantuan ikhlas yang diberikan kepada Koperasi TNB.
- 4) Badan-Badan Korporat, syarikat dan orang perseorangan yang sentiasa memberi kepercayaan kepada Koperasi TNB untuk membekalkan barangan dan menawarkan perkhidmatan.
- 5) Jawatankuasa Audit Dalaman yang sentiasa menasihati dan memantau operasi Koperasi TNB.
- 6) Jawatankuasa Syariah yang sentiasa memberi panduan dalam pematuhan syariah Koperasi TNB.
- 7) Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Amal Tenaga yang sentiasa memastikan aktiviti dan kebajikan anggota serta orang awam terjaga.
- 8) Semua perwakilan dan anggota di atas penglibatan yang aktif dan kerjasama yang erat.
- 9) Semua pekerja Koperasi TNB di atas perkhidmatan yang berdedikasi yang berpaksikan kepada budaya kerja cemerlang.

Bagi pihak Anggota Lembaga,
KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD



MOHAMMAD AMRAN BIN ABDUL RAHMAN
Pengerusi